A **MOHD SALLEH SIDEK lwn. HJ NAWI HJ MOHAMAD**

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA TERENGGANU
MARIANA YAHYA H
[PETISYEN PILIHAN RAYA NO: 26PP-01-2013]
1 OGOS 2013

B

PILIHAN RAYA: *Petisyen – Perisytiharan – Sama ada pilihan raya tidak sah dan batal – Tuduhan rasuah – Sama ada notis pengemukaan petisyen diserah selaras dengan k. 15(1)(a) Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954 – Sama ada fakta-fakta dalam petisyen tidak konsisten dan bercanggah – Sama ada terdapat ketinggalan fakta serius – Sama ada perkara-perkara yang diplidkan gagal mematuhi keperluan s. 11(1)(b) dibaca dengan ss. 10(a) dan 32(c) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 – Sama ada responden dilapor pilih dengan sewajarnya – Sama ada petisyen mendedahkan kausa tindakan munasabah – Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, A. 18 k. 19(1)*

C

D

PILIHAN RAYA: *Petisyen – Penyampaian – Penyampaian secara kediri – Sama ada notis pengemukaan petisyen diserahkan selaras dengan k. 15(1)(a) Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954 – Sama ada petisyen diserahkan bersama-sama dengan notis pengemukaan petisyen – Sama ada cara penyerahan petisyen mengelirukan dan boleh menimbulkan kesangsian – Sama ada kaedah penyerahan petisyen tidak mematuhi kehendak undang-undang*

E

PILIHAN RAYA: *Petisyen – Kegagalan memplid – Tuduhan rasuah – Sama ada fakta-fakta yang diplid bercanggah – Sama ada terdapat fakta yang tidak dinyatakan dalam petisyen – Sama ada pempetisyen gagal mematuhi k. 4(1)(b) dan k. 4(4)(3) Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954 – Sama ada perkara-perkara yang diplidkan gagal mematuhi keperluan s. 11(1)(b) dibaca dengan ss. 10(a) & 32(c) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 – Sama ada petisyen mendedahkan kausa tindakan munasabah*

F

Satu petisyen pilihan raya telah difailkan oleh pempetisyen, seorang pengundi berdaftar, yang telah mengundi di dalam pilihan raya umum ke-13 di bahagian Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri N. 04 Hulu Besut, Terengganu. Petisyen ini difailkan atas tuduhan perbuatan rasuah oleh responden semasa pilihan raya tersebut dan pempetisyen telah memohon untuk perisytiharan bahawa (i) pilihan raya yang diadakan itu adalah tidak sah dan terbatal; dan (ii) responden tidak dipilih dengan sewajarnya atau sepatutnya tidak dilaporpilih. Berdasarkan fakta, responden, yang mewakili parti Barisan Nasional, telah dilaporpilih dengan majoriti undi sebanyak 1,570. Melalui perenggan 4.1 sehingga ke perenggan 4.4 petisyen, pempetisyen telah memplidkan satu siri kejadian yang telah berlaku kepada seorang pengundi bernama Zamilah. Melalui perenggan 4.1, pempetisyen menyatakan bahawa responden telah memberi wang kepada Zamilah dengan tujuan mendorong beliau untuk mengundi atau tidak mengundi. Berdasarkan perenggan 4.4 pula, pempetisyen menyandarkan fakta kepada

G

H

I

ketidakpatuhan di bawah s. 10(c) dibaca bersama s. 32(c) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 ('Akta') di mana responden telah memberikan pemberian kepada Zamilah dan 24 orang petugas SPR untuk mendapatkan undinya. Berdasarkan fakta, petisyen telah diserahkan secara serahan kediri ke atas responden dan notis pengemukaan petisyen yang difailkan oleh pempetisyen menyatakan bahawa 'salinan petisyen pilihan raya ini boleh didapati atas permohonan di pejabat pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Terengganu'. Sebaliknya, responden telah memfailkan permohonan di bawah A. 18 k. 19(1)(a), (b), (c) atau (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 dan memohon supaya petisyen ini dibatalkan. Di antara alasan-alasan yang dikemukakan oleh responden adalah: (i) kegagalan pempetisyen untuk menyerahkan notis pengemukaan petisyen selaras dengan k. 15(1)(a) Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954 ('KKPR'); (ii) kegagalan pempetisyen untuk mematuhi k. 4(1)(b) dan k. 4(4)(3) KKPR; dan (iii) perkara-perkara yang diplidkan gagal mematuhi keperluan s. 11(1)(b) bersama-sama dengan ss. 10(a) dan 32(c) Akta. Responden juga berhujah bahawa petisyen ini tidak mendedahkan sebarang kausa tindakan munasabah.

Diputuskan (membenarkan permohonan responden):

(1) Bidang kuasa Mahkamah Pilihan Raya dan hakim pilihan raya untuk mendengar dan memutuskan petisyen pilihan raya adalah bidang kuasa khas. Perkara 118 Perlembagaan Persekutuan memperuntukan bidang kuasa tambahan ini kepada Mahkamah Tinggi untuk mendengar petisyen pilihan raya dan bidang kuasa tersebut tidak dinyatakan sebagai salah satu bidang kuasa sivil Mahkamah Tinggi sepertimana diperuntukan di bawah ss. 23 dan 24 Akta Kehakiman Mahkamah 1964. Maka, kehendak statutori am sesuatu petisyen pilihan raya itu hendaklah dipatuhi dengan ketat dan sepenuhnya kerana pertikaian pilihan raya adalah satu prosiding statutori khas serta khusus dan asing kepada undang-undang 'common law' ataupun ekuiti (*Tengku Korish v. Mohamed Jusoh & Anor And Abdul Raouf v. Ibrahim Arshad & Anor And Mokhtar Abdullah v. Mokhtar Hj Daud & Anor*; dirujuk). (perenggan 5)

(2) Jika pempetisyen memilih untuk membuat serahan petisyen secara serahan kediri melalui k. 15(1)(a) KKPR, pempetisyen hanya perlu mengemukakan dua dokumen, iaitu, petisyen pilihan raya itu sendiri bersama-sama dengan notis pengemukaan petisyen. Jika pempetisyen memilih untuk melakukan penyerahan melalui k. 15(1)(c), iaitu, dengan menampalkan suatu notis di papan notis Mahkamah Tinggi dan dengan menyiarkan suatu notis dalam akhbar bahasa kebangsaan, pempetisyen perlu mengemukakan tiga dokumen, iaitu, petisyen pilihan raya tersebut, notis pengemukaan petisyen bersama-sama dengan pemberitahuan akan cara penyerahan petisyen tersebut bersama-sama dengan pemberitahuan bahawa salinan petisyen tersebut boleh diperolehi di pejabat pendaftaran Mahkamah Tinggi. (perenggan 15 & 16)

(3) Petisyen dalam tindakan ini tidak diserahkan bersama-sama dengan notis pengemukaan petisyen yang tepat. Pempetisyen telah melakukan kesilapan dengan membuat serahan petisyen pilihan raya ini secara kediri kepada responden, iaitu, di bawah k. 15(1)(a) KKPR dan pada masa yang sama, telah memaklumkan kepada responden butiran bahawa petisyen pilihan raya ini boleh diperolehi di pejabat pendaftar Mahkamah Tinggi yang merupakan kaedah yang diperuntukan oleh undang-undang bagi penyerahan di bawah k. 15(1)(c). Kekhilafan ini adalah sesuatu yang mengelirukan dan boleh menimbulkan kesangsian kepada responden. (perenggan 17 & 18)

(4) Terdapat beberapa fakta yang tidak konsisten dalam pernyataan fakta yang diplidkan oleh pempetisyen dalam perenggan 4.1 sehingga 4.4. Ketidakseragaman fakta-fakta ini perlu ditekankan kerana perenggan 4.1 sehingga 4.2 merujuk kepada satu siri insiden sahaja. Fakta-fakta yang diplidkan tidak seharusnya mempunyai apa-apa perbezaan atau percanggahan kerana kesemua insiden berlaku pada hari dan waktu yang sama. (perenggan 32, 37 & 38)

(5) Antara fakta-fakta yang tidak konsisten adalah di mana perenggan 4.1.3, 4.2.3 dan 4.3.3 petisyen menyatakan bahawa pintu bilik mesyuarat responden di mana Zamilah bersama-sama dengan 24 orang petugas SPR masuk adalah dalam keadaan tertutup tetapi di perenggan 4.4.3, adalah dinyatakan bahawa pintu bilik tersebut dikunci. Perenggan 4.1.7 dan 4.3.7 menyatakan bahawa Zamilah telah memasukkan kertas undi ke dalam peti undi pos tetapi perenggan 4.2.7 dan 4.4.7 pula menyatakan bahawa kertas undi Zamilah bersama-sama dengan kertas undi 24 orang petugas SPR tersebut telah dibawa oleh ejen responden ke pejabat daerah dan diserahkan kepada seorang kakitangan di situ yang telah memasukkan kertas-kertas undi tersebut ke dalam almari besi di pejabat tersebut. Di dalam perenggan 4.2.2 dan 4.4.2, adalah dinyatakan bahawa terdapat 24 orang petugas SPR bersama-sama dengan Zamilah namun ketika berhujah, peguam pempetisyen menyatakan bahawa terdapat 23 petugas SPR yang lain bersama-sama Zamilah. (perenggan 39)

(6) Walaupun fakta-fakta yang sama diulang berkali-kali oleh pempetisyen, namun terdapat ketinggalan-ketinggalan serius dan boleh menjejaskan pemplidan fakta dalam petisyen. Antaranya adalah berkenaan insiden yang berlaku di dalam bilik mesyuarat responden di mana pempetisyen di dalam perenggan 4.1.3, 4.2.3, 4.3.3 dan 4.4.3 telah menyatakan bahawa Zamilah telah menyerahkan kertas undi yang belum dipangkah kepada ejen responden tetapi tidak menyatakan perkara-perkara berikut, iaitu, (i) sama ada tindakan menyerahkan kertas-kertas undi dibuat atas permintaan, rayuan, ataupun desakan daripada responden atau ejen responden; dan (ii) sama ada responden berada di dalam bilik tersebut.

Tambahan, tindakan lanjut Zamilah setelah mendapati kertas undinya dipangkah tidak dinyatakan. Di samping itu, alasan di sebalik tindakan Zamilah memasukkan kertas undi ke dalam peti undi walaupun mendapati kertas undinya dipangkah tanpa pengetahuannya tidak diplidkan. (perenggan 40 & 41)

(7) Butiran dan penglibatan 24 orang petugas SPR tidak diplidkan. Petugas-petugas SPR tersebut yang dinyatakan di dalam petisyen seharusnya dibutirkan secara satu persatu di dalam petisyen kerana ketinggalan berbuat demikian menjadikan petisyen sebagai tidak lengkap. Tambahan, elemen 'bargaining' yang kononnya dibuat oleh pihak responden di mana kertas undi diserahkan dan wang diberikan sebagai balasan tidak dinyatakan di dalam petisyen. Pempetisyen telah cuba untuk membetulkan ketinggalan fakta ini melalui hujahan peguamcaranya. Sewajarnya, pempetisyen perlu berhujah atas perkara yang diplidkan dan bukan sebaliknya. (perenggan 41)

(8) Pempetisyen tidak memplidkan alasan-alasan bagi butiran fakta-fakta yang diplidkan. Ini menjadikan petisyen tersebut sia-sia kerana kk. 4(1)(b) dan 4(4)(3) KKPR adalah peruntukan mandatori dan kegagalan pempetisyen memplidkannya adalah satu ketinggalan yang tidak dapat dimaafkan atau dibaiki sama sekali. (perenggan 42)

(9) Undang-undang berkenaan pemakaian s. 11(1)(b) Akta dalam memplidkan kesalahan rasuah dalam pilihan raya adalah satu undang-undang mantap yang tidak boleh disangkal kepentingan dan keperluannya. Pembacaan mahkamah bagi s. 32(c) dan s. 10(a) Akta mendapati bahawa ianya tidak lengkap dan tidak boleh berdiri dengan sendirinya bagi membuktikan satu ketidakpatuhan sesuatu perbuatan rasuah atau perbuatan yang menyalahi undang-undang telah dilakukan berkaitan dengan pilihan raya tersebut. Seksyen 10(a) Akta hanya mentakrifkan kesalahan-kesalahan pengaruh tidak berpatutan dan penyogokan tetapi s. 11(1)(b) Akta adalah peruntukan yang menjadikan kesalahan di antara s. 10(a) dan s. 32(c) sebagai suatu perbuatan. Untuk membuat sesuatu tuduhan yang betul di bawah s. 32(c), pemplidan s. 11(1)(b) adalah mandatori untuk membentuk satu kausa tindakan. Pemakaian s. 11(1)(b) untuk membuktikan ketidakpatuhan dalam s. 32(c) dan s. 10(a) adalah satu intipati penting dan bukannya suatu pilihan. Seksyen 11(1)(b) mestilah diplidkan dengan nyata bagi menzahirkan ketidakpatuhan di bawah s. 32(c) (*Kho Whai Phiaw v. Chong Chieng Jen*; dirujuk). (perenggan 45, 47, 49 & 50)

(10) Petisyen ini tidak mendedahkan sebarang kausa tindakan terhadap responden. Maka, adalah disahkan bahawa responden telah dilaporpilih dengan sewajarnya. (perenggan 51 & 52)

Kes-kes yang dirujuk:

Gan Joon Zin v. Fong Kui Lun & Ors [2004] 4 CLJ 729 FC ***(dirujuk)***

Kho Whai Phiaw v. Chong Chieng Jen [2009] 3 CLJ 201 FC ***(dirujuk)***

Tengku Korish v. Mohamed Jusoh & Anor And Abdul Raouf v. Ibrahim Arshad & Anor And Mokhtar Abdullah v. Mokhtar Hj Daud & Anor [1969] 1 LNS 189 HC ***(dirujuk)***

Wan Sagar Wan Embong v. Harun Taib (No. 2) [2009] 1 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Courts of Judicature Act 1964, ss. 23, 24

Election Offences Act 1954, ss. 2(1), 10(a), (c), 11(1)(b), 32(a), (b), (c), 34(a), 36

Election Petition Rules 1954, rr. 4(1)(b), 4(4)(3), 15(1)(a), (c)

Federal Constitution, art. 118

Rules of Court 2012, O. 18 r. 19(1)(a), (b), (c), (d)

Bagi pihak pempetisyen - Mohd Kamaruzaman A Wahab (Saiffuddin Othman, Fariz Irwan Mustafa & Mohd Azwan Mohd Roslee bersamanya); T/n Wan Abd Muttalib & Co

Bagi pihak responden - Mohd Rafaei Adnan (Shamshawal Azraai Ahmad, Mohd Hazwan Hamidun & Mohd Auliat Ngah bersamanya); T/n Rafaei & Co

Dilaporkan oleh Kumitha Abd Majid

PENGHAKIMAN

Mariana Yahya H:

Pendahuluan

[1] Petisyen pilihan raya ini telah difailkan oleh pempetisyen, Mohd Salleh bin Sidek, seorang pengundi berdaftar yang telah mengundi di dalam pilihan raya umum ke-13 yang telah diadakan pada 5 Mei 2013 di bahagian pilihan raya Dewan Undangan Negeri N.04 Hulu Besut, Terengganu. Responden dalam petisyen ini Haji Nawi bin Haji Mohamad mewakili Barisan Nasional dan Pegawai Pengurus Haji A Rahim bin Jusoh telah melapor pilih responden dengan sewajarnya dengan majoriti undi sebanyak 1,570. Responden telah memperolehi undi sebanyak 7,884 manakala calon PAS Cikgu Solah memperolehi undi sebanyak 6,314. Pempetisyen adalah seorang yang layak untuk mengemukakan petisyen pilihan raya ini di bawah s. 34(a) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (selepas ini disebut sebagai "Akta 5")

[2] Pempetisyen di dalam petisyen pilihan raya ini di perenggan 4 menyatakan bahawa responden telah salah dilaporpilih atau dilaporpilih secara tidak sah atas alasan-alasan seperti di perenggan 4.1, 4.2, 4.3, 4.4 dan 4.5 petisyen iaitu:

> 4.1 - Perbuatan rasuah (Bahagian III Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954) (Penyogokan), berkaitan seksyen 10(a) dibaca bersama seksyen 32(c).

4.2 - Perbuatan rasuah (Bahagian III Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954) (Penyogokan), berkaitan seksyen 10(a) dibaca bersama seksyen 32(c).

4.3 - Perbuatan rasuah (Bahagian III Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954) (Penyogokan), berkaitan seksyen 10(c) dibaca bersama seksyen 32(c).

4.4 - Perbuatan rasuah (Bahagian III Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954) (Penyogokan), berkaitan seksyen 10(c) dibaca bersama seksyen 32(c).

4.5 - Kemungkiran dan sebagainya secara kumulatif.

[3] Pempetisyen di dalam petisyen pilihan raya di sini memohon relif-relif seperti berikut:

(i) satu perintah perisytiharan bahawa pilihan raya bahagian Dewan Undangan Negeri N.04, Hulu Besut, Terengganu yang diadakan pada 5 Mei 2013 sebagai tidak sah dan terbatal;

(ii) satu perisytiharan bahawa responden, calon BN Haji Nawi bin Haji Mohamad telah tidak dipilih dengan sewajarnya atau sepatutnya tidak dilaporpilih;

(iii) pengesahan dan arahan-arahan di bawah s. 36 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954;

(iv) kos;

(v) apa-apa relif atau perintah lain yang difikirkan sesuai manfaat oleh mahkamah yang mulia ini.

[4] Pada 11 Julai 2013 responden telah memfailkan satu permohonan di bawah A. 18 k. 19(1)(a), (b), (c) atau (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (lampiran 7A) memohon perintah-perintah seperti berikut:

(i) bahawa Petisyen Pilihan Raya yang difailkan di dalam prosiding ini dibatalkan di atas kegagalan pempetisyen untuk menyerahkan notis pengemukaan petisyen selaras dengan k. 15(1) (a) Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954 (selepas ini disebut sebagai "KKPPR 1954");

(ii) bahawa petisyen pilihan raya yang difailkan di dalam prosiding ini dibatalkan di atas kegagalan pempetisyen untuk mematuhi k. 4(1)(b) dan k. 4(4)(3) KKPPR 1954;

(iii) bahawa petisyen pilihan raya yang difailkan di dalam prosiding ini dibatalkan kerana perkara-perkara yang diplidkan gagal mematuhi keperluan memplidkan s. 11(1)(b) bersama dengan s. 10(a) dan 32(c)

A Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (selepas ini disebut sebagai "AKPR 1954");

(iv) secara alternatif bahawa petisyen pilihan raya yang difailkan di dalam prosiding ini dibatalkan kerana ianya tidak mendedahkan kausa tindakan yang munasabah;

B

(v) selanjutnya, suatu pengesahan menurut s. 36 AKPR 1954 bahawa responden pertama telah dilaporpilih dengan sempurnanya atau dipilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri N.04 Kuala Hulu Besut;

C (vi) kos permohonan ini ditanggung oleh pempetisyen; dan

(vii) lain-lain relif atau relif selanjutnya yang difikirkan patut oleh mahkamah yang mulia ini.

Undang-Undang

D

[5] Bidang kuasa Mahkamah Pilihan Raya dan hakim pilihan raya untuk mendengar dan memutuskan petisyen pilihan raya adalah bidang kuasa khas. Perkara 118 Perlembagaan Persekutuan memperuntukan bidang kuasa tambahan ini kepada Mahkamah Tinggi untuk mendengar petisyen pilihan raya dan bidang kuasa tersebut tidak dinyatakan sebagai salah satu bidang

E kuasa sivil Mahkamah Tinggi sepertimana diperuntukan di bawah ss. 23 dan 24 Akta Kehakiman 1964. Maka itu kehendak statutori am sesuatu petisyen pilihan raya itu hendaklah dipatuhi dengan ketat dan sepenuhnya kerana pertikaian pilihan raya adalah satu prosiding statutori khas serta khusus dan yang asing kepada undang-undang "common law"

F ataupun ekuiti. Penjelasan mengenai bidangkuasa tambahan ini dan pemakaian undang-undangnya yang ketat dinyatakan di dalam kes berikut: *Tengku Korish v. Mohamed Jusoh & Anor And Abdul Raouf v. Ibrahim Arshad & Anor And Mokhtar Abdullah v. Mokhtar Hj Daud & Anor* [1969] 1 LNS 189; [1970] 1 MLJ, Hakim Raja Azlan di dalam penghakimannya menyatakan;

G

> ... It is well recognised that I must not go outside the province of the election laws. The Election Offences Act, 1954 confers certain rights and provides the remedy for enforcing those rights. Where that is the case, the remedy provided by that statute must be availed of ...
>
> H What 'right' does the Election Offences Act, 1954 confer, using the word right in its broad sense? In my judgment, the right conferred by that Act is a special kind of right unknown to the common law or equity, and the court which administers it possesses a special kind of jurisdiction. It is not a civil right but a creature of statute or special
>
> I law and must be subject to the limitations imposed by it.
>
> The statutory requirements of the election law are mandatory and must be strictly observed …

Kuasa Hakim Pilihan Raya Membatalkan Petisyen Pilihan Raya

[6] Kedudukan undang-undang di Malaysia mengenai kuasa hakim pilihan raya untuk membatalkan suatu Petisyen Pilihan Raya yang defektif tanpa melalui proses perbicaraan telah dimuktamadkan melalui keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Gan Joon Zin v. Fong Kui Lun & Ors* [2004] 4 CLJ 729 di mana YAA Abdul Hamid menyatakan bahawa:

(ms. 738, di perenggan e dan f dirujuk):

> Another point to note is this. Even prior to the amendment of section 42 of the Act by the same amendment Act (Act A 1177 of 2002), courts had been entertaining preliminary objections and applications, usually by notices of motion, to strike out election petitions. Election petitions had been struck out on such applications. In other words, not all petitions proceeded to trial and final determination at the conclusion of the trial.

(ms. 743, di perenggan e dirujuk);

> However, in our view, whether or not insufficient particulars may warrant the striking out of an election petition depends on the seriousness of the omission and the consequential effects on the petition. It is to be decided according to the peculiar circumstances of each case.

[7] Di dalam kes *Wan Sagar Wan Embong v. Harun Taib (No. 2)* [2009] 1 CLJ 457; [2008] 6 MLJ, 473, 486, FC, Hakim Mahkamah Persekutuan Zulkefli bin Ahmad Makinuddin (pada ketika itu) telah memutuskan bahawa Hakim Pilihan Raya boleh memutuskan isu awalan tanpa perlu perbicaraan penuh. Di dalam kes tersebut bantahan awal telah dibawa ke atas peruntukan s. 32(a), (b) dan (c) Akta 5.

(ms. 476 (CLJ); 480 (MLJ) di perenggan 24 dirujuk)

> [24] As regards the third question on the issue of burden of proof, we are of the view the learned election judge is correct not to have addressed the issue of burden of proof directly since he was deciding on the preliminary objection raised based on the tested principles and rules of election law.
>
> We therefore find this particular ground of appeal raised by the appellant at this stage where the petition has not proceeded at full trial is premature.

[8] Responden pertama mengemukakan tiga alasan di dalam permohonan untuk membatalkan petisyen yang difailkan oleh pempetisyen di sini.

A **Alasan Pertama Responden**

Kegagalan Pempetisyen Untuk Menyerahkan Notis Pengemukaan Petisyen Selaras Dengan k. 15(1)(A) Kaedah-kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954

B **[9]** Kaedah 15(1) Notis mengenai pengemukaan sesuatu petisyen yang disertai dengan suatu salinan petisyen itu, hendaklah, dalam tempoh lima belas hari selepas petisyen itu dikemukakan, disampaikan oleh pempetisyen:

(a) Kepada responden sendiri yang hendaklah dilaksanakan dengan menyerahkan notis dan suatu salinan petisyen itu kepada responden;

C (b) Dengan menghantar notis dan suatu salinan petisyen itu melalui pos berdaftar bayar dahulu yang dialamatkan ke tempat kediaman atau urusan responden yang lazim atau yang akhir diketahui; atau

(c) Dengan menampalkan suatu notis pada papan notis di Mahkamah
D Tinggi di negeri di mana bahagian pilihan raya atau kawasan pilihan raya itu terletak dan dengan menyiarkan suatu notis dalam akhbar bahasa kebangsaan dan dalam mana-mana akhbar lain yang diedarkan di dalam pilihan raya atau kawasan pilihan raya di mana pilihan raya itu telah diadakan, yang menyatakan bahawa petisyen sedemikian telah
E dikemukakan dan bahawa suatu salinan notis mengenai pengemukaan petisyen itu dan suatu salinan petisyen itu boleh didapati oleh responden dengan percuma atas permohonan di pejabat pendaftar.

[10] Responden telah berhujah bahawa penyerahan petisyen pilihan raya ini telah dibuat secara serahan ke diri ke atas responden pada
F 18 Jun 2013. Namun, notis pengemukaan petisyen yang difailkan oleh pempetisyen pula mengandungi perkataan-perkataan seperti yang berikut:

> AMBIL PERHATIAN bahawa satu salinan Petisyen Pilihan Raya ini boleh didapati oleh kamu atas permohonan di Pejabat Pendaftar
G Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Terengganu.

[11] Responden berhujah bahawa pengataan yang terkandung dalam notis pengemukaan petisyen tersebut (seperti yang tertera di atas) adalah tidak menentu bentuknya sekaligus menjadikan ianya cacat dan defektif. Notis yang difailkan pempetisyen bukanlah suatu notis pengemukaan petisyen di
H bawah k. 15(1)(a) tetapi merupakan suatu notis kaedah penyampaian petisyen pilihan raya di bawah k. 15(1)(c) KKPPR 1954. Efek kepada kecacatan dan defektif kandungan 1A ini ialah tiada penyerahan yang sempurna telah dilakukan terhadap responden.

I **[12]** Responden juga berhujah kepada mahkamah bahawa responden tidak mempertikaikan cara penyampaian petisyen tersebut tetapi adalah terhadap dokumen yang hendak disampaikan itu sendiri.

[13] Sebagai tambahan, responden juga menekankan bahawa tiada sebarang tarikh ditarikhkan pada petisyen yang disampaikan tersebut. A

[14] Mahkamah berpendapat peruntukan undang-undang yang ditetapkan bagi penyerahan petisyen adalah:

[15] Pertama, jika pempetisyen memilih untuk membuat serahan petisyen secara serahan kediri iaitu melalui k. 15(1)(a), pempetisyen hanya perlu mengemukakan dua dokumen iaitu petisyen pilihan raya itu sendiri bersama-sama dengan notis pengemukaan petisyen. Pemberitahuan mengenai salinan petisyen pilihan raya tersebut boleh didapati di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi adalah tidak perlu dan sesuatu yang berlebihan. B C

[16] Kedua, jika pempetisyen memilih untuk melakukan penyerahan melalui k. 15(1)(c) iaitu dengan menampalkan suatu notis di papan notis Mahkamah Tinggi dan dengan menyiarkan suatu notis dalam akhbar bahasa kebangsaan, pempetisyen perlu mengemukakan tiga (3) dokumen iaitu petisyen pilihan raya tersebut, notis pengemukaan petisyen bersama-sama dengan pemberitahuan akan cara penyerahan petisyen tersebut bersama-sama dengan pemberitahuan bahawa salinan petisyen tersebut boleh didapati di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi. D

[17] Mahkamah berpendapat petisyen dalam tindakan ini tidak diserahkan bersama-sama dengan notis pengemukaan petisyen yang tepat. Pempetisyen telah jelas melakukan kesilapan dengan membuat serahan petisyen pilihan raya ini secara kediri kepada responden iaitu di bawah k. 15(1)(a) tetapi pada masa yang sama memaklumkan kepada responden butiran bahawa petisyen pilihan raya ini boleh didapati di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi di Kuala Terengganu yang mana adalah kaedah yang diperuntukkan undang-undang bagi penyerahan di bawah k. 15(1)(c). E F

[18] Mahkamah berpendapat kekhilafan ini adalah sesuatu yang mengelirukan dan jelas boleh menimbulkan kesangsian kepada responden samada responden hanya diserahkan dengan satu notis pengemukaan dan satu petisyen pilihan raya atau terdapatnya satu notis pengemukaan dan satu petisyen lain selain dari yang telah dikemukakan yang boleh didapati di Pejabat Pendaftar Mahkamah. G

Alasan Kedua Responden H

Bahawa Petisyen Pilihan Raya Yang Difailkan Di Dalam Prosiding Ini Dibatalkan Atas Kegagalan Pempetisyen Untuk Mematuhi k. 4(1)(B) Dan k. 4(4)(3) KKPPR 1954

Undang-Undang I

[19] Kaedah 4(1)(b) KKPPR 1954 memperuntukkan seperti yang berikut:

A 4(1) Sesuatu petisyen pilihan raya hendaklah mengandungi pernyataan yang berikut:

(a) …

(b) Petisyen itu hendaklah menyatakan tarikh pilhan raya itu
B diadakan dan juga keputusannya, dan hendaklah menyatakan dengan ringkas fakta dan alasan yang berasaskannya permintaan itu disokong.

[20] Kaedah 4(4)(3) KKPPR 1954 memperuntukan seperti yang berikut:

C (4) Bentuk yang berikut, atau bentuk yang mempunyai maksud seumpamanya, memadai:

…

D (3) Dan pempetisyen kamu menyatakan bahawa (di sini dinyatakan fakta dan alasan yang padat dan ringkas yang padanya pempetisyen bergantung).

Oleh yang demikian pempetisyen kamu memohon supaya diputuskan bahawa A.B yang tersebut itu telah tidak dipilih atau dilaporpilih
E dengan sewajarnya, dan bahawa pilihan raya itu terbatal (atau bahawa E.F yang tersebut telah dipilih dengan sewajarnya dan dia sepatutnya dilaporpilih).

[21] Responden telah berhujah bahawa perenggan 4.1.1 petisyen pilihan
F raya ini tidak mengandungi fakta-fakta penting dan gagal menyokong alasan umum yang diplidkan oleh pempetisyen. Perenggan 4.1.1 hanya memplidkan responden telah memberikan wang kepada pengundi bagi mendorong pengundi untuk mengundi atau tidak mengundi.

[22] Rumusan fakta oleh mahkamah melalui pembacaan petisyen -
G Petisyen di bawah perenggan 4.1 telah memplidkan perbuatan rasuah (Bahagian III Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954) (Penyogokan).

4.1.1 Perbuatan penyogokan telah dilakukan oleh responden iaitu memberikan wang kepada pengundi bagi mendorong pengundi untuk mengundi atau tidak mengundi berkaitan s. 10(a) dibaca bersama
H seksyen 32(c) AKPR 1954.

4.1.2 Pada 29 April 2013 jam 5.30 petang, seorang pengundi yang layak dan dibenarkan untuk mengundi secara pos bernama Zamilah binti Deraman telah dipanggil oleh responden ke bilik mesyuarat
I responden.

4.1.3 Pintu bilik mesyuarat tersebut telah ditutup dan Zamilah telah menyerahkan kertas undinya yang belum dipangkah dan kertas undi tersebut dikutip oleh ejen responden bernama Hajjah Azizah binti Ibrahim.

4.1.4 Zamilah binti Deraman telah dibayar RM100 oleh responden. A

4.1.5 Pada 30 April 2013 jam 10.30 pagi, Zamilah binti Deraman pergi ke pejabat responden untuk mengambil semula kertas undinya dan telah berjumpa dengan wakil calon responden iaitu Haji Adnan bin Said.

4.1.6 Zamilah binti Deraman telah menerima semula kertas undinya dan mendapati kertas undi tersebut telah dipangkah memihak kepada responden tanpa pengetahuan dan kebenaran daripadanya. B

4.1.7 Zamilah binti Deraman telah memasukkan kertas undi tersebut ke dalam peti undi pos di Pejabat Daerah Besut. C

4.1.8 Zamilah binti Deraman telah membuat laporan polis berkaitan dengan kejadian di atas.

[23] Melalui pembacaan mahkamah di perenggan 4.1.1 sehingga ke perenggan 4.1.8 di atas, mahkamah telah mengenal pasti penama-penama yang berikut: D

a. Zamilah binti Deraman (pengundi pos berdaftar yang dibenarkan);

b. Responden;

E

c. Hajjah Azizah binti Ibrahim (ejen responden);

d. Haji Adnan bin Said (ejen responden);

[24] Rumusan fakta bagi pernyataan fakta di perenggan 4.2 Petisyen – Perbuatan Rasuah (Bahagian III Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954) (Penyogokan). F

4.2.1 Perbuatan penyogokan telah dilakukan oleh responden iaitu memberikan wang kepada pengundi bagi mendorong pengundi untuk mengundi atau tidak mengundi berkaitan s. 10(a) dibaca bersama s. 32(c) AKPR 1954. G

4.2.2 Pada 29 April 2013 jam 5.30 petang, 24 orang petugas SPR termasuk seorang pengundi bernama Zamilah binti Deraman dipanggil oleh responden ke bilik mesyuarat responden.

H

4.2.3 Setelah 24 orang petugas SPR bersama Zamilah binti Deraman masuk ke dalam bilik mesyuarat, pintu bilik tersebut ditutup. 24 orang petugas SPR dan Zamilah binti Deraman telah menyerahkan kertas undi mereka yang belum dipangkah dan kertas undi tersebut telah dikutip oleh agen responden bernama Hajjah Azizah binti Ibrahim. I

A 4.2.4 24 orang petugas SPR tersebut telah dibayar oleh responden sebanyak RM100 setiap seorang dan selepas itu mereka semua telah dibenarkan pulang oleh responden.

4.2.5 Pada 30 April 2013 jam 10.30 pagi, Zamilah binti Deraman pergi ke pejabat responden untuk mengambil semula kertas undinya dan telah B berjumpa dengan wakil calon responden iaitu Haji Adnan bin Said.

4.2.6 Zamilah binti Deraman mendapati kesemua kertas undi tersebut telah dipangkah memihak kepada responden tanpa pengetahuan dan kebenaran daripada kesemua mereka.

C

4.2.7 Kertas-kertas undi tersebut telah dibawa oleh agen responden Encik Limah binti Che Abdullah ke Pejabat Daerah Besut dan diserahkan kepada Rosli bin Yamin, kakitangan Pejabat Daerah Besut yang telah memasukkan kertas-kertas undi tersebut ke dalam almari besi di pejabatnya.

D

[25] Melalui pembacaan mahkamah di perenggan 4.2.1 sehingga ke perenggan 4.2.7 di atas, mahkamah telah mengenal pasti penama-penama yang berikut:

E a. Zamilah binti Deraman (pengundi pos berdaftar yang dibenarkan);

b. 24 orang petugas SPR yang tidak dikenalpasti;

c. Responden;

F d. Hajjah Azizah binti Ibrahim (ejen responden);

e. Haji Adnan bin Said (ejen responden);

f. Encik Limah binti Che Abdullah (ejen responden); dan

G g. Rosli bin Yamin (kakitangan Pejabat Daerah Besut).

[26] Mahkamah mendapati rumusan fakta bagi pernyataan fakta di perenggan 4.3 Petisyen – Perbuatan Rasuah (Bahagian III Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954) (Penyogokan).

H 4.3.1 Perbuatan penyogokan telah dilakukan oleh responden iaitu memberikan pemberian kepada pengundi untuk mendapatkan undinya s. 10(c) dibaca bersama s. 32(c) AKPR 1954.

4.3.2 Pada 29 April 2013 jam 5.30 petang, seorang pengundi yang dibenarkan untuk mengundi secara pos bernama Zamilah binti I Deraman telah dipanggil oleh responden ke bilik mesyuarat responden.

4.3.3 Pintu bilik mesyuarat tersebut telah ditutup dan Zamilah telah menyerahkan kertas undinya yang belum dipangkah dan kertas undi tersebut dikutip oleh ejen responden bernama Hajjah Azizah binti Ibrahim.

4.3.4 Zamilah binti Deraman telah dibayar RM100 oleh responden.

4.3.5 Pada 30 April 2013 jam 10.30 pagi, Zamilah binti Deraman pergi ke pejabat responden untuk mengambil semula kertas undinya dan telah berjumpa dengan wakil calon responden iaitu Haji Adnan bin Said.

4.3.6 Zamilah binti Deraman telah menerima semula kertas undinya dan mendapati kertas undi tersebut telah dipangkah memihak kepada responden tanpa pengetahuan dan kebenaran daripadanya.

4.3.7 Zamilah binti Deraman telah memasukkan kertas undi tersebut ke dalam peti undi pos di Pejabat Daerah Besut.

4.3.8 Zamilah binti Deraman telah membuat laporan polis berkaitan dengan kejadian di atas.

[27] Melalui pembacaan mahkamah di perenggan 4.3.1 sehingga ke perenggan 4.3.8, mahkamah telah mengenal pasti penama-penama yang berikut:

a. Zamilah binti Deraman (pengundi pos berdaftar dibenarkan);

b. Responden;

c. Hajjah Azizah binti Ibrahim (agen responden);

d. Haji Adnan bin Said (agen responden).

[28] Berikut pula adalah rumusan bagi pernyataan fakta di perenggan 4.4 Petisyen – Perbuatan Rasuah (Bahagian III Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954) (Penyogokan).

4.4.1 Perbuatan penyogokan telah dilakukan oleh responden iaitu memberikan pemberian kepada pengundi untuk mendapatkan undinya s. 10(c) dibaca bersama s. 32(c) AKPR 1954.

4.4.2 Pada 29 April 2013 jam 5.30 petang, 24 orang petugas SPR termasuk seorang pengundi bernama Zamilah binti Deraman dipanggil oleh responden ke bilik mesyuarat responden.

4.4.3 Setelah 24 orang petugas SPR bersama Zamilah binti Deraman masuk ke dalam bilik mesyuarat, pintu bilik tersebut dikunci. 24 orang petugas SPR dan Zamilah binti Deraman telah menyerahkan kertas undi mereka yang belum dipangkah dan kertas undi tersebut telah dikutip oleh agen responden bernama Hajjah Azizah binti Ibrahim.

4.4.4 24 orang petugas SPR tersebut telah dibayar oleh responden sebanyak RM100 setiap seorang dan selepas itu mereka semua telah dibenarkan pulang oleh responden.

4.4.5 Pada 30 April 2013 jam 10.30 pagi, Zamilah binti Deraman pergi ke pejabat responden untuk mengambil semula kertas undinya dan telah berjumpa dengan wakil calon responden iaitu Haji Adnan bin Said.

4.4.6 Zamilah binti Deraman mendapati kesemua kertas undi tersebut telah dipangkah memihak kepada responden tanpa pengetahuan dan kebenaran daripada kesemua mereka.

4.4.7 Kertas-kertas undi tersebut telah dibawa oleh agen responden Encik Limah binti Che Abdullah ke Pejabat Daerah Besut dan diserahkan kepada Rosli bin Yamin, kakitangan Pejabat Daerah Besut yang telah memasukkan kertas-kertas undi tersebut ke dalam almari besi di pejabatnya.

[29] Melalui bacaan mahkamah di perenggan 4.4.1 sehingga ke perenggan 4.4.7 di atas, mahkamah telah mengenal pasti penama-penama yang berikut:

a. Zamilah binti Deraman (pengundi pos berdaftar);

b. 24 orang petugas SPR yang tidak dikenalpasti;

c. Responden;

d. Hajjah Azizah binti Ibrahim (agen responden);

e. Haji Adnan bin Said (agen responden);

f. Encik Limah binti Che Abdullah (agen responden); dan

g. Rosli bin Yamin (kakitangan Pejabat Daerah Besut).

[30] Petisyen di perenggan 4.5 petisyen memplidkan, selanjutnya dan/atau secara alternatif apa yang disebut dalam perenggan 4.1 hingga 4.4 di atas secara kumulatif menyebabkan tidak wujudnya satu pilihan raya menurut s. 2(1) AKPR 1954.

Analisis Mahkamah Mengenai Pernyataan Fakta

[31] Pempetisyen melalui perenggan 4.1 sehinggalah ke perenggan 4.4 telah memplidkan satu siri penceritaan yang berlaku kepada penama Zamilah binti Deraman.

[32] Penelitian telah dibuat oleh mahkamah ini terhadap setiap satu perenggan yang dinyatakan dalam petisyen. Perenggan 4.1 mengkhususkan penceritaan kepada Zamilah binti Deraman yang telah diberikan wang oleh responden untuk mendorong beliau untuk mengundi atau tidak mengundi.

[33] Perenggan 4.2 mengkhususkan penceritaan kepada Zamilah binti Deraman dan 24 orang petugas SPR yang telah diberikan wang oleh responden untuk mendorong mereka untuk mengundi atau tidak mengundi.

[34] Perenggan 4.3 pula sebenarnya adalah pengulangan satu siri fakta menyamai dengan perenggan 4.1. Perbezaannya hanyalah perenggan ini menyandarkan fakta penceritaan kepada ketidakpatuhan di bawah s. 10(c) dan dibaca bersama s. 32(c) AKPPR 1954 di mana dikatakan responden telah memberikan pemberian kepada Zamilah binti Deraman untuk mendapatkan undinya.

[35] Manakala perenggan 4.4 pula sekali lagi adalah pengulangan satu siri fakta menyamai dengan perenggan 4.2. Perbezaannya hanyalah perenggan ini menyandarkan fakta penceritaan kepada ketidakpatuhan di bawah s. 10(c) dibaca bersama s. 32(c) AKPR 1954 di mana dikatakan responden telah memberikan pemberian kepada pengundi Zamilah binti Deraman dan 24 orang petugas SPR untuk mendapatkan undinya.

Dapatan Mahkamah Dari Segi Konsistensi Pernyataan Fakta

[36] Pempetisyen telah memilih untuk memplidkan fakta ini melalui dua versi penceritaan dan kemudiannya ianya dipecahkan pula kepada empat siri pembacaan. Relevan di sebalik teknik pemplidan fakta ini hanya diketahui oleh pempetisyen itu sendiri.

[37] Melalui pembacaan mahkamah, mahkamah mendapati terdapat beberapa fakta yang tidak konsisten dalam pernyataan fakta yang diplidkan oleh pempetisyen dalam perenggan 4.1 sehingga 4.4.

[38] Ketidakseragaman fakta-fakta ini perlu ditekankan kerana perenggan 4.1 sehingga 4.2 sebenarnya adalah merujuk kepada satu siri insiden sahaja. Fakta-fakta yang diplidkan tidak seharusnya mempunyai apa-apa perbezaan atau percanggahan kerana kesemua berlaku pada hari dan waktu yang sama.

[39] Fakta-fakta yang tidak konsisten tersebut adalah seperti yang berikut:

a. Perenggan 4.1.3, 4.2.3, 4.3.3 menyatakan fakta bahawa pintu bilik mesyuarat responden di mana Zamilah binti Deraman bersama-sama dengan 24 orang petugas SPR tersebut masuk adalah ditutup tetapi di dalam perenggan 4.4.3 pula pintu bilik mesyuarat tersebut adalah dikunci.

b. Perenggan 4.1.7 dan 4.3.7 menyatakan bahawa Zamilah binti Deraman telah memasukkan kertas undi tersebut ke dalam peti undi pos di Pejabat Daerah Besut tetapi perenggan 4.2.7 dan 4.4.7 pula menyatakan kertas undi Zamilah binti Besut bersama-sama dengan kertas undi 24 orang petugas SPR telah dibawa oleh agen responden Encik Limah binti Che Abdullah ke Pejabat Daerah Besut dan diserahkan pula kepada Rosli bin Yamin, iaitu kakitangan Pejabat Daerah Besut yang telah memasukkan kertas-kertas undi tersebut ke dalam almari besi di pejabatnya.

c. Perenggan 4.1.6 dan 4.3.6 menyatakan bahawa Zamilah binti Deraman "… telah menerima semula kertas undinya dan mendapati kertas undi tersebut telah dipangkah …" tetapi perenggan 4.2.6 dan 4.4.6 pula menyatakan bahawa Zamilah binti Deraman "… mendapati kesemua kertas undi tersebut telah dipangkah …". Perenggan 4.1.6 dan 4.3.6 merujuk kepada kertas undi Zamilah binti Deraman seorang sahaja tetapi perenggan 4.2.6 dan 4.4.6 pula merujuk kepada kertas-kertas undi Zamilah binti Deraman bersama-sama dengan 24 orang petugas SPR yang lain.

d. Perenggan 4.1.6 dan 4.3.6 menyatakan bahawa Zamilah binti Deraman "telah menerima semula kertas undinya …" menunjukkan bahawa Zamilah binti Deraman hanya merujuk kepada kertas undi beliau sahaja yang telah dipangkah tetapi perenggan 4.2.6 dan 4.4.6 pula "… mendapati kesemua kertas undi tersebut telah dipangkah" yang mana merujuk kepada kertas undi beliau sendiri bersama-sama dengan kertas undi 24 orang petugas SPR yang lain. Apa yang tidak konsisten (dan tidak diplidkan) di sini ialah, apakah yang berlaku kepada kertas undi 24 orang petugas SPR tersebut di perenggan 4.1.6 dan 4.3.6? Mengapakah ada versi yang berbeza sedangkan Zamilah binti Deraman pergi ke pejabat responden untuk mengambil kertas undinya pada hari dan waktu yang sama.

e. Pempetisyen di dalam perenggan 4.2.2 dan 4.4.2 petisyen menyatakan bahawa terdapat 24 orang petugas SPR bersama-sama dengan Zamilah binti Deraman namun ketika berhujah, peguam pempetisyen menyatakan bahawa terdapatnya 23 petugas SPR yang lain bersama-sama Zamilah binti Deraman. Jumlah petugas SPR yang dimaksudkan di sini adakah 23 orang atau yang sebenarnya 24 orang seperti yang diplidkan dalam petisyen?

Dapatan Mahkamah Mengenai Fakta Penting Yang Tidak Diplidkan Dalam Petisyen

[40] Pempetisyen telah secara berulang-ulang kali memplidkan fakta-fakta yang sama atau hampir sama walaupun merujuk kepada satu siri insiden sahaja. Namun, walaupun fakta-fakta yang sama tersebut diulang berkali-

kali, mahkamah berpendapat berlakunya ketinggalan-ketinggalan yang serius dan boleh menjejaskan pemplidan fakta dalam petisyen.

[41] Ketinggalan-ketinggalan yang menimbulkan tanda tanya kepada mahkamah dalam petisyen ini adalah seperti yang berikut:

a. Insiden di dalam bilik mesyuarat responden

(i) Pempetisyen dalam perenggan 4.1.3, 4.2.3, 4.3.3 dan 4.4.3 menyatakan Zamilah binti Deraman telah menyerahkan kertas undi mereka yang belum dipangkah kepada ejen responden. Persoalan yang timbul di sini ialah adakah tindakan menyerahkan kertas-kertas undi tersebut dibuat atas permintaan, rayuan, ataupun desakan daripada responden mahupun ejen responden itu sendiri? Jika responden ada membuat permintaan, rayuan ataupun desakan tersebut, apakah kata-kata yang telah dikeluarkan oleh responden dan/atau agen responden sehingga Zamilah binti Deraman dan 24 orang petugas SPR tersebut menyerahkan kertas undi mereka yang tidak berpangkah tersebut kepada agen responden? Adakah responden itu sendiri ada atau tidak dalam bilik mesyuarat tersebut? Fakta-fakta penting ini tidak dinyatakan dalam petisyen.

b. Insiden pada 30 April 2013 jam 10.30 pagi

(i) Perenggan 4.1.6, 4.2.6, 4.3.6 dan 4.4.6 menyatakan bahawa Zamilah binti Deraman mendapati kertas-kertas undi "… telah dipangkah yang memihak kepada responden tanpa pengetahuan dan kebenaran daripadanya". Penekanan mahkamah diberikan kepada frasa "tanpa pengetahuan dan kebenaran". Merujuk kepada dapatan mahkamah di perenggan (a)(i) di atas, frasa "tanpa pengetahuan dan kebenaran" yang diplidkan oleh pempetisyen menunjukkan bahawa adakah responden atau agen responden telah melakukan ketidakpatuhan yang dikatakan di perenggan 4.1.1, 4.2.1, 4.3.1 dan 4.4.1 tersebut? Fakta ini jelas tidak diplidkan.

(ii) Lanjutan daripada pemplidan fakta di perenggan 4.1.6, 4.2.6, 4.3.6 dan 4.4.6 yang tersebut di atas, pempetisyen setelah menyatakan bahawa kertas undi tersebut telah dipangkah tanpa pengetahuan dan kebenaran, apakah tindakan selanjutnya yang diambil oleh Zamilah binti Deraman setelah mendapati kertas undi tersebut telah dipangkah tanpa pengetahuan dan kebenarannya? Adakah sebarang bantahan dibuat? Adakah ketidakpatuhan tersebut terus dilaporkan? Fakta-fakta ini tidak diplidkan.

(iii) Paling menghairankan mengapakah pempetisyen memplidkan Zamilah binti Deraman setelah mendapati kertas undinya dipangkah tanpa pengetahuan dan kebenaran daripadanya masih memasukkan kertas undi ke dalam peti undi tersebut? Alasan di sebalik tindakan Zamilah binti Deraman tersebut juga tidak diplidkan. Dalam situasi ini hujahan responden bahawa perbuatan Zamilah binti Deraman lebih menjurus kepada perbuatan menjual undi ada kebenarannya dan jika ianya benar, perbuatan Zamilah binti Deraman ini tiada kaitan dengan sebarang ketidakpatuhan responden seperti yang didakwa oleh pempetisyen.

c. 24 orang petugas SPR

(i) Satu lagi fakta penting yang tidak diplidkan dalam petisyen ini ialah siapakah 24 orang petugas SPR yang menjadi subjek kepada ketidakpatuhan yang dikatakan telah dibuat oleh responden. 24 orang petugas SPR tersebut seharusnya dibutirkan secara satu persatu dalam petisyen ini kerana ketinggalan berbuat demikian menjadikan petisyen ini tidak lengkap. Mahkamah percaya bahawa memasukkan penglibatan 24 petugas SPR ke dalam petisyen ini bagi menunjukkan perbuatan rasuah telah dilakukan oleh responden sepertimana yang didakwa adalah penting kerana Zamilah binti Deraman telah mendakwa bahawa beliau bersama-sama 24 petugas SPR yang lain telah diminta meninggalkan kertas undi dengan bayaran RM100 setiap seorang.

d. Kewujudan elemen-elemen "bargaining"

(i) Peguam pempetisyen dalam hujahan lisannya menyatakan terdapatnya elemen "bargaining" telah dibuat oleh pihak responden iaitu kertas undi diserahkan dan wang diberikan sebagai balasan. Tiada di mana-mana di dalam pliding petisyen di sini menyatakan elemen "bargaining" dinyatakan ini untuk menyokong hujahan pempetisyen. Fakta ini tidak diplidkan. Oleh yang demikian, pempetisyen nampaknya berusaha cuba membetulkan ketinggalan fakta melalui hujahan peguamcaranya. Sewajarnya pempetisyen berhujah atas perkara yang diplidkan sahaja dan bukan sebaliknya.

Dapatan Mahkamah Mengenai Ketiadaan Alasan Dalam Petisyen

[42] Petisyen dalam tindakan ini telah disediakan oleh pempetisyen dengan panjang lebar. Walau bagaimanapun, pempetisyen telah tidak memplidkan alasan-alasan bagi butiran fakta-fakta yang diplidkan menjadikan petisyen ini sia-sia kerana k. 4(1)(b) dan 4(4)(3) adalah satu peruntukan mandatori dan kegagalan pempetisyen memplidkannya adalah satu ketinggalan yang tidak dapat dimaafkan atau dibaiki sama sekali.

Alasan Ketiga Responden

Bahawa Petisyen Pilihan Raya Yang Difailkan Di Dalam Prosiding Ini Dibatalkan Kerana Perkara-Perkara Yang Diplidkan Gagal Mematuhi Keperluan Memplidkan s. 11(1)(B) Bersama Dengan s. 10(a) Dan 32(c) AKPR 1954

[43] Pembacaan mahkamah bagi s. 32(c) dan s. 10(a) AKPR 1954 mendapati ianya tidak lengkap dan tidak boleh berdiri dengan sendirinya bagi membuktikan satu ketidakpatuhan sesuatu perbuatan rasuah atau perbuatan yang menyalahi undang-undang telah dilakukan berkaitan dengan pilihan raya itu.

[44] Perkataan "sesuatu perbuatan rasuah atau perbuatan yang menyalahi undang-undang telah dilakukan berkaitan dengan pilihan raya" akan lebih diperjelaskan lagi melalui pembacaan s. 11(1)(b) AKPR 1954 yang dengan secara jelas menyenaraikan perbuatan yang menyalahi undang-undang telah dilakukan berkaitan dengan pilihan raya iaitu melakukan kesalahan menjamu, pengaruh tidak wajar, atau menyogok.

[45] Pempetisyen seterusnya mengatakan bahawa tiadanya kewajipan bagi mereka memplidkan s. 11 tersebut dan ketiadaan penyataan mengenai s. 11 di dalam pliding mereka tidak akan memprejudiskan responden kerana pemakaian s. 11 hanyalah atas tujuan pelengkapan (completeness) semata-mata.

[46] Pempetisyen seterusnya di ms. 9 perenggan 7.1. Hujahan mereka menyatakan bahawa s. 11(1)(b) AKPR 1954 tidak mempunyai sebarang kaitan dengan prosiding pilihan raya. Pempetisyen juga turut berhujah bahawa mahkamah ini tidak seharusnya menerima pakai prinsip berkenaan pemakaian s. 11(1)(b) secara menyeluruh "blanket" begitu sahaja seperti mana yang diputuskan dalam kes Mahkamah Persekutuan *Kho Whai Phiaw v. Chong Chieng Jen* [2009] 3 CLJ 201 tanpa terlebih dahulu membuat perbandingan fakta sesuatu kes tersebut. Malah, peguam pempetisyen telah meminta mahkamah ini untuk membuat perbandingan fakta kes pempetisyen di sini dengan keputusan kes Mahkamah Persekutuan tersebut. Saya tidak bersetuju dengan hujahan peguamcara pempetisyen berkenaan dengan pemakaian secara "blanket" dengan perbandingan fakta kerana keperluan memplidkan s. 11(1)(b) adalah satu kemestian yang telah dimuktamadkan di dalam keputusan tersebut dan bukan berupa suatu pilihan. Pempetisyen melalui peguamcaranya juga berhujah bahawa mereka boleh membezakan fakta kes di sini dengan kes Mahkamah Persekutuan tersebut tetapi gagal berbuat demikian.

[47] Saya menyatakan sedemikian kerana s. 10(a) hanya mentakrifkan kesalahan-kesalahan pengaruh tidak berpatutan dan penyogokan, tetapi s. 11(1)(b) ialah peruntukan yang menjadikan kesalahan antara s. 10(a) dan s. 32(c) tersebut sebagai suatu perbuatan. Untuk membuat sesuatu tuduhan

yang betul di bawah s. 32(c), pemplidan s. 11(1)(b) adalah mandatori untuk membentuk satu kausa tindakan. Pemakaian s. 11(1)(b) bagi membuktikan ketidakpatuhan dalam s. 32(c) dan s. 10(a) adalah satu intipati penting dan bukannya suatu pilihan. Seksyen 11(1)(b) khususnya dalam tindakan ini juga bukanlah hanya sekadar satu peruntukan yang digunakan sebagai pelengkap sahaja "for the sake of completeness". Pendapat mahkamah ini adalah jelas bahawa s. 11(1)(b) mestilah diplidkan dengan nyata bagi menzahirkan satu ketidakpatuhan di bawah s. 32(c) itu.

[48] Mahkamah ini juga sekali lagi tidak bersetuju dan tidak dapat menerima hujahan pempetisyen berkenaan dengan isu yang mengatakan bahawa s. 11(1)(b) AKPR tidak mempunyai sebarang kaitan dengan prosiding petisyen pilihan raya.

[49] Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Kho Whai Phiaw v. Chong Chieng Jen* [2009] 3 CLJ 201; [2009] 4 MLJ 776 di perenggan 18 telah menjawab persoalan sama ada s. 11(1)(b) patut atau tidak patut diplidkan bersama s. 32(c) dengan menyatakan bahawa:

> Without the reliance on s. 11 which makes bribery an offence of corrupt practice, there is an essential missing link between s. 10(a) and s. 32(c) because s. 10(a) merely defines what is bribery, and it is s. 32(c) which enacts corrupt practice as a ground to avoid the election. To make good a charge under s. 32(c) which concerns corrupt practice, s. 11 is therefore a mandatory requirement to provide the essential connecting link to constitute the cause of action.

[50] Undang-undang berkenaan pemakaian s. 11(1)(b) AKPR 1954 dalam memplidkan kesalahan rasuah dalam pilihan raya adalah satu undang-undang mantap yang tidak dapat disangkal kepentingan dan keperluannya.

Alasan Keempat Responden

Bahawa Petisyen Pilihan Raya Yang Difailkan Di Dalam Prosiding Ini Dibatalkan Kerana Ianya Tidak Mendedahkan Kausa Tindakan Yang Munasabah

[51] Berdasarkan dapatan mahkamah melalui alasan pertama, kedua dan ketiga di atas, nyata, petisyen ini adalah satu petisyen yang jelas lagi terang yang pada permukaannya sahaja telah tidak mendedahkan sebarang kausa tindakan terhadap responden. Mahkamah Pilihan Raya ini tidak mempunyai pilihan lain selain membenarkan permohonan responden di bawah A. 18 k. 19(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 untuk membatalkan petisyen ini kerana pada permukaannya sahaja sangat jelas petisyen ini tidak mendedahkan apa-apa kausa tindakan yang boleh dipertahankan. Mahkamah ini juga menurut s. 36 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 mengesahkan

bahawa responden dalam petisyen ini Haji Nawi bin Haji Mohamad mewakili Barisan Nasional telah dilaporpilih dengan sewajarnya bagi kawasan Dewan Undangan Negeri N.04 Hulu Besut Terengganu dengan majoriti undi sebanyak 1,570.

[52] Mahkamah telah mengambil kira hujahan kedua-dua pihak berkenaan perkara kos dan setelah mempertimbangkannya dengan mengambil kira semua faktor dalam perbicaraan petisyen ini di peringkat ini, mahkamah berpendapat jumlah kos yang patut diawadkan hendaklah bersesuaian dengan kerumitan penyediaan pihak responden dalam petisyen ini dan mahkamah dengan ini memerintahkan kos berjumlah RM50,000 dibayar kepada responden. Mahkamah juga memerintahkan jumlah wang deposit yang dimasukkan ke dalam mahkamah menjadi sebahagian daripada bayaran kos kepada responden.